



UPSI bina modul pembelajaran alternatif kanak-kanak pelarian Islam Filipina

Nurul Hidayah Bahaudin - Februari 23, 2023 @ 10:14pm
bhnews@bh.com.my



Majlis Apresiasi Media bersama UPSI

KUALA LUMPUR: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diberi tanggungjawab bagi melaksanakan projek pembinaan modul untuk pusat pembelajaran alternatif (PPA) kanak-kanak pelarian Islam Filipina di Sabah dan Labuan.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata universiti berkenaan diberi tanggungjawab itu oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Sekumpulan penyelidik dilantik yang diketuai Prof Madya Dr Ashardi Abas bersama Prof Dr Che Zalina Zulkifli, Prof Madya Dr Ridzwan Che Rus, Dr Suhazlan Suhaimi, Dr Mohd Fadhil Harfiez, Dr Che Anuar Che Abdullah, Jamilah Omar, Zulkifli Mamat serta Asmara Alias.

"Antara objektif projek ini adalah melihat keperluan kepada pendidikan, pembangunan diri, nilai agama dan budaya bagi meningkatkan keupayaan serta kesinambungan kehidupan dengan menghargai lokaliti setempat.

"Selain itu, projek ini juga bagi pembentukan kelestarian persekitaran, sama ada dari aspek jasmani, emosi dan nilai kemanusiaan pelajar PPA," katanya berucap pada Majlis Apresiasi Media bersama UPSI, di sini malam ini.



Majlis Apresiasi Media bersama UPSI

Md Amin berkata, projek itu juga dapat membina jati diri kanak-kanak pelarian supaya tidak mudah terpengaruh dengan anasir yang boleh mengancam keselamatan masyarakat serta negara.

"Kriteria pemilihan adalah berdasarkan kesungguhan dan komitmen diberikan selepas mengenal pasti latar belakang pensyarah yang dilantik melalui beberapa sesi perbincangan bersemuka.

"UPSI sentiasa komited dalam mendepani isu pendidikan selaras dengan peranannya sebagai sebuah instutusi yang banyak melahirkan tokoh pendidikan negara," katanya.



Majlis Apresiasi Media bersama UPSI